

GAP BOOKLET

(Gold Accumulation Program)

Akaun Simpanan Emas

SELAMAT

**MUDAH &
MURAH**

**PATUH
SHARIAH**



EDISI KEMASKINI : DISEMBER 2023

Booklet ini mungkin bukan yang terkini. Semak dan muat turun edisi terkini [DI SINI](#)

15 PERKARA ANDA PERLU TAHU MENGENAI AKAUN GAP EMAS PUBLIC GOLD

PERKARA

MUKASURAT


- 1** Apa itu akaun GAP? **2**
- 2** Berapakah modal yang diperlukan untuk membuka akaun GAP ini? **4**
- 3** Bagaimana proses jual beli emas dari akaun gap ? **5**
- 4** Berapakah bajet minimum untuk simpanan emas dalam akaun gap? **5**
- 5** Adakah Public gold patuh syariah? **5**
- 6** Bagaimana saya nak mengeluarkan emas fizikal dari akaun? **6**
- 7** Apa caj yang dikenakan jika saya ingin mengeluarkan emas fizikal? **6**
- 8** Siapa yang boleh membuka akaun GAP ? **8**
- 9** Adakah harga emas di GAP ikut harga emas dunia? **8**
- 10** Bolehkah anak-anak di bawah umur 18 tahun membuka akaun GAP ? **8**
- 11** Adakah GAP mempunyai tarikh luput? **9**
- 12** Adakah pemilik akaun GAP dibekalkan dengan buku simpanan ? **9**
- 13** Adakah GAP dilindungi insuran? **9**
- 14** Bolehkah jual semua emas di GAP? **9**
- 15** Bagaimana sekiranya pemilik akaun GAP ini meninggal dunia? **10**
- 16** ArRahnu GAP & Aplikasi Public Gold **11**



Soalan 1

APA ITU AKAUN GAP?

1. GAP bermaksud 'Gold Accumulation Program' dan bahasa mudahnya program pengumpulan gram emas.
2. Konsepnya lebih kurang sama sahaja seperti Akaun Simpanan di Bank, bezanya ia kumpul **gram** (berat emas) bukan RM.
3. Bila masuk duit di dalam sistem, ia akan terus ditukarkan dalam bentuk **gram** di dalam Akaun GAP
4. Tiada komitmen bulanan. Tetapi anda disarankan konsisten menabung untuk nampak hasil yang baik.
5. Boleh beli dan jual emas bila-bila masa 24 jam sehari 7 hari seminggu secara online.
6. Boleh juga dikeluarkan (*withdraw*) emas fizikal dan simpan sendiri (item paling kecil boleh dikeluarkan ialah 1 gram)
7. Caj *Gold Premium* yang minima dikenakan untuk setiap item dikeluarkan.
8. Tinggalkan baki 1gram dalam akaun GAP untuk kekal aktif.
9. Akaun GAP akan ditutup apabila tiada baki dalam akaun.
10. Simpan emas dengan Public Gold secara **percuma** tanpa had masa, tanpa had jumlah emas dan **tiada yuran simpanan**.



RUJUK MUKA SURAT SETERUSNYA
BAGI LEBIH MEMAHAMI KONSEP GAP
(dalam bentuk info grafik)



Konsep GAP (Secara ringkas)

RM → masuk akaun
GAP → Gram
Emas



Modal minimum RM100
(tiada maksimum)



3 Kaedah Bayaran:

1. FPX (secara terus melalui *online banking*)
2. Muatnaik resit bayaran secara manual
3. Auto-debit



Boleh teruskan simpan
dalam akaun

*tiada caj simpanan dikenakan

Account Balance	Gold	Silver
Available Balance	50.0000	5.0000
View detail...		

ATAU



Boleh jual secara online
tanpa perlu mengeluarkan
emas



ATAU



Boleh mengeluarkan emas
dan simpan sendiri

*caj gold premium dikenakan
ketika pengeluaran emas



ATAU



Boleh pajak gram emas di
Ar Rahnu secara *online*
untuk dapatkan pinjaman
bercagarkan emas
simpanan anda.



Soalan 2

BERAPAKAH MODAL YANG DIPERLUKAN UNTUK MEMBUKA AKAUN GAP INI?

Hanya dengan pembelian emas serendah RM100 atau belian emas 1g mengikut harga emas semasa GAP dalam laman web Public Gold (<https://www.publicgold.com.my/>).

CONTOH PENGIRAAN

CONTOH - Harga Emas pada hari pembelian adalah RM270/gram.

- Jika anda hendak beli 1 gram: Masukkan duit sebanyak RM270
- Jika anda hendak beli 2 gram, jumlah duit yang perlu dibayar ialah:
 $\text{RM270} \times 2 = \text{RM540}$
- Jika anda hendak beli 5 gram, jumlah duit yang perlu dibayar ialah:
 $\text{RM270} \times 5 = \text{RM1350}$

Begitu lah seterusnya jika anda ingin beli di dalam gandaan 1 gram.

- Jika anda hendak beli RM100, maka jumlah gram yang masuk ke Akaun GAP anda ialah: $\text{RM100}/\text{RM270} = 0.3703$ gram
- Jika anda hendak beli RM350, maka jumlah gram yang masuk ke Akaun GAP anda ialah: $\text{RM350}/\text{RM270} = 1.2962$ gram

Begitu lah seterusnya jika anda ingin beli di dalam gandaan RM100 (min) dan RM50. Penukaran gram dikira sehingga 4 titik perpuluhan.

- Ini sekadar contoh pengiraan bagi memudahkan pemahaman anda.
- **PENGIRAAN AUTOMATIK** di dalam portal My GAP.



GOLD ACCUMULATION PROGRAM (24K) (Last updated 20-Nov-2023)	
RM 100 =	0.3086 gram
RM 324 =	1.0000 gram

Soalan 3

BAGAIMANA PROSES JUAL BELI EMAS DARI AKAUN GAP ?

1. Proses beli emas / jual balik / semakan akaun emas anda boleh dibuat secara online di website atau melalui aplikasi Public Gold. Ianya sungguh mudah!
2. Setiap pembelian emas melalui GAP akan disimpan di dalam akaun secara automatik dan PERCUMA.

Soalan 4

BERAPAKAH BAJET MINIMUM UNTUK SIMPANAN EMAS DALAM AKAUN GAP?

1. Akaun GAP membolehkan anda membeli emas bermula serendah RM100 sahaja. Namun jika anda mempunyai modal yang besar, anda boleh membeli emas GAP tanpa had. Ikut keselesaan sendiri.
2. Jika anda berminat mengumpul KOLEKSI emas 1 gram Public Gold, kaedah GAP membolehkan anda memiliki kepingan emas 1 gram pada harga yang JAUH LEBIH MURAH berbanding membeli kepingan emas 1 gram secara runcit.

Soalan 5

ADAKAH PUBLIC GOLD PATUH SYARIAH?

1. Pembelian emas melalui GAP disahkan patuh syariah. Sijil patuh syariah dikeluarkan oleh Amanie Advisors Sdn. Bhd. iaitu salah sebuah syarikat penasihat syariah terkemuka di Malaysia.



Soalan 6

BAGAIMANA SAYA NAK KELUARKAN EMAS FIZIKAL DARI AKAUN?

1. Item emas yang beratnya sama atau kurang dari 21.25 gram, anda boleh keluarkannya pada bila-bila masa menggunakan khidmat pos berinsurans iaitu *Gold In Transit (GIT)*
2. Manakala item emas yang lebih 21.25 gram, anda boleh mengambil di mana-mana cawangan Public Gold di seluruh Malaysia. Perlu buat temujanji sebelum pergi ke cawangan.
3. Sebelum keluarkan emas fizikal, pastikan anda mempunyai baki 1gram di dalam akaun GAP anda selepas anda mengeluarkan emas fizikal.

Soalan 7

APA CAJ YANG DIKENAKAN JIKA SAYA INGIN KELUARKAN EMAS FIZIKAL?

1. Setiap pengeluaran emas fizikal akan dikenakan caj Gold Premium. Jadual Gold Premium seperti di bawah;
2. Contoh:
 - a. Jika keluarkan 5gram x 2 keping, maka caj yang perlu dibayar ialah $RM10 \times 2 = RM20$
 - b. Jika keluarkan edisi klasik 1gram x 10 keping, maka caj yang perlu dibayar ialah $RM15 \times 10 = RM150$
3. Oleh itu, mengeluarkan emas yang lebih berat lebih jimat Caj Premium berbanding yang kecil

*** NOTA PENTING -**

Variasi caj Gold Premium berubah mengikut promosi semasa

- Edisi *Limited Aurora Italia* 1 gram = RM 80


Premium Produk				PUBLIC GOLD	
(Mulai 1 st Disember 2022)					
JONGKONG EMAS	PREMIUM EMAS SM (RM)	PREMIUM EMAS SS (RM)	JONGKONG PERAK	PREMIUM EMAS SM (RM)	PREMIUM EMAS SS (RM)
1g (edisi Terhad)	15	15	250g	30	60
5g	10	15	500g	40	80
10g	15	30	1000g	40	80
20g	20	40	5000g	120	240
50g	40	80			
100g	70	140			
250g	100	200			
1000g	250	500			
DINAR WAFER	PREMIUM EMAS SM (RM)	PREMIUM EMAS SS (RM)			
1/4 Dinar (Edisi Terhad)	20	20			
1/2 Dinar	10	15			
1 Dinar	10	15			
5 Dinar	20	40			
10 Dinar	40	80			

URUSNIAGA DALAM GAP - BELI, JUAL BALIK DAN ARRAHNU SECARA ONLINE

Nama pemilik akaun dan PG
Code dipaparkan

Baki gram emas akan
dipaparkan sebagai
“Available Balance”

Setiap transaksi akan
dipaparkan di dalam
akaun GAP secara
online sahaja! Mudah!



Sell bermaksud penjualan emas dari akaun GAP.

Anda boleh menjual semula emas kepada Public Gold terus dari akaun emas GAP tanpa mengeluarkan emas secara fizikal terlebih dahulu.

Duit hasil penjualan akan dimasukkan ke dalam akaun bank dalam masa 2-3 hari bekerja.

Withdraw bermaksud pengeluaran emas fizikal dari akaun GAP

Dari sekecil 1gram hingga 1 kilogram

History bermaksud setiap transaksi emas yang dilakukan

DATE	DESCRIPTION	QUANTITY (gm)
19 Mar 2021	Withdraw	-1.0000
19 Mar 2021	Withdraw	-1.0000
19 Mar 2021	Withdraw	-1.0000
19 Mar 2021	Withdraw	-1.0000
12 Mar 2021	Withdraw	-10.0000
11 Mar 2021	Purchase	31.3298
28 Feb 2021	Purchase	13.0000
22 Feb 2021	Buy-Back	-1.0000

Arrahnu bermaksud untuk pajakan emas dalam akaun GAP

Soalan 8

SIAPA YANG BOLEH MEMBUKA AKAUN GAP ?

1. Individu yang mempunyai bajet RM100 atau lebih.
2. Individu yang mahu simpan emas tanpa komitmen. Ada duit lebih, tambah simpanan emas dalam GAP. Jika mahu konsisten simpan emas #1gram1bulan pun boleh!
3. Individu yang takut nak simpan emas sendiri di rumah kerana takut terlupa simpan emas di mana atau hilang di curi.

Soalan 9

ADAKAH HARGA EMAS DI GAP IKUT HARGA EMAS DUNIA?

Harga GAP mengikut harga emas dunia dan berubah sekali sehari iaitu setiap jam 12 tengah malam.



Soalan 10

BOLEHKAH ANAK-ANAK DI BAWAH UMUR 18 TAHUN MEMBUKA AKAUN GAP ?

1. Boleh dan sangat digalakkan.
2. Bagi kes ini, ibu bapa atau penjaga yang sah bersama anak-anak ini membuka akaun bersama / joint account yang mana segala urusan jual / beli diuruskan oleh ibu bapa atau penjaga sehingga anak-anak ini berusia 18 tahun.
3. Setelah anak mencapai 18 tahun, akaun ini akan ditadbir oleh mereka. Bayangkan, dengan GAP anak anda boleh miliki simpanan emas mereka sendiri.

Junior Customer Registration (With PG Code)



Soalan 11

ADAKAH GAP MEMPUNYAI TARIKH LUPUT?

Tiada tarikh luput dan ianya adalah simpanan emas sepanjang hayat.



Soalan 12

ADAKAH PEMILIK AKAUN GAP DIBEKALKAN DENGAN BUKU SIMPANAN ?

Tidak. Urusan pembelian / jualan GAP adalah secara online di mana pemiliknya boleh melihat sebarang penyata transaksi melalui My GAP portal.



Soalan 13

ADAKAH GAP DILINDUNGI INSURAN?

Ya. Emas GAP disimpan dalam safe deposit box yang dikendalikan oleh Public Safe (www.publicsafe.com.my). Dan ianya dilindungi insuran.



Soalan 14

BOLEHKAH JUAL SEMUA EMAS DALAM GAP?

1. Boleh. Akaun GAP akan ditutup apabila tiada baki dalam akaun.
2. Untuk buka semula akaun GAP, anda perlu membayar caj pengaktifan.
3. Untuk pastikan GAP kekal aktif, anda perlu tinggalkan baki minima 1g dalam akaun.



Soalan 15

**BAGAIMANA SEKIRANYA PEMILIK AKAUN GAP
MENINGGAL DUNIA?**

1. Jika berlaku kematian pada penyimpan emas GAP, dokumen yang perlu dibawa oleh waris untuk menuntut emas di pejabat Public Gold adalah:

1. **Sijil Kematian**
2. **Sijil Perkahwinan** (suami/isteri), jika anak adalah pewaris maka kemukakan Sijil Kelahiran
3. **Salinan Kad Pengenalan pewaris**
4. **Surat mahkamah** (surat pindah milik/tadbir harta simati kepada pewaris)

.....
* Tertakluk kepada perubahan terma & syarat dari Public Gold International Berhad.

-CARA UNTUK MENDAPATKAN SURAT MAHKAMAH-

1. Bila berlaku kematian , waris perlu dapatkan surat bicara kuasa , wasiat atau pembahagian harta. Ianya boleh didapati di bahagian pusaka kecil di Pejabat daerah atau wisma negeri.
2. Pegawai berkaitan akan keluaran 1 surat declare harta-harta yang ditinggalkan si mati dan akan ada sekali penama@warisnya.
3. Surat ini yang perlu bawa ke Public Gold [atau mana-mana institusi yang berkenaan untuk tuntutan].
4. Jika si mati tiada wasiat, biasanya harta akan difaraid ikut nama2 waris dalam senarai .

.....
Surat pentadbir harta pusaka tu boleh dapatkan di **salah satu** berikut:

1. Amanah raya- jika simati hanya mempunyai harta alih & tiada harta tak alih & nilai keseluruhan harta bawah 2j.
2. Bahagian pusaka kecil- jika simati mempunyai harta tak alih & harta alih dan nilai keseluruhan harta tidak melebihi 2j.
3. Mahkamah Tinggi Malaya- jika simati mempunyai harta melebihi 2j.
4. Bagi kes amanah raya/mahkamah tinggi Malaya, perlu dapatkan sijil faraid dari mahkamah syariah terlebih dahulu. Bagi kes dibahagian pusaka kecil, boleh terus ke bahagian pusaka kecil tanpa perlu dapatkan sijil faraid.

Setelah semua dokumen ada, serahkan semua dokumen lengkap kepada Public Gold di branch yang berdekatan untuk proses pindah milik.

AR-RAHNU GAP

G100



ARRAHNU ONLINE GAP

#PGG100NETWORK
#NEXTMOHDZULKIFLI

PUBLIC GOLD

NILAI MARHUN

Mengikut harga
semasa GAP

NILAI PINJAMAN

70% daripada nilai
marhun

TEMPOH PINJAMAN

Maksimum 6 bulan

UPAH SIMPAN

1% daripada nilai marhun

CARA PENEBUSAN BALIK

Perlu hubungi cawangan
untuk maklumat
penebusan



TUTORIAL

Klik pada ikon untuk
SOP Arrahnu GAP.



SOP TEBUS

EMAS GAP



SOP PAJAK

EMAS GAP

APLIKASI PUBLIC GOLD

Akaun Emas GAP dan Public Gold
digabungkan dalam satu aplikasi.

Muat turun sekarang:




[IOS](#)



[ANDROID](#)



[HUAWEI](#)



Nak mulakan simpanan emas anda hari ini?
Hubungi mana-mana dealer Public Gold yang anda
percayai untuk mendaftar.

Disediakan oleh:



Kredit:
Shikin Shawal
Nur Fatin Awanis
Nurhazwani Hashim
Dr Syahirah Razak

**SEMOGA INFO MENGENAI
AKAUN GAP INI JELAS DAN
BERMANFAAT**

Dengan akaun GAP, kini semua golongan mampu menyimpan
emas dan membina kekayaan sendiri.

**#PGG100Network
#NextMohdZulkifli**

Network Public Gold yang paling besar dan
cepat berkembang, dibawah pimpinan
Tuan Mohd Zulkifli Shafie.